

Atasi masalah air di Melaka

Kabinet lulus

\$250 juta: PM

Oleh HAW TIAN SOO

IPOH, Khamis — Kabinet meluluskan peruntukan \$250 juta kepada Melaka untuk mengatasi masalah kekurangan air di negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bantuan itu untuk membolehkan Kerajaan Melaka mengambil langkah jangka panjang mengatasi kekurangan air itu, membabitkan pembinaan saluran paip dari Sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal.

Katanya, sehingga ini Kerajaan Pusat sudah memberi bantuan \$24 juta kepada kerajaan negeri berkenaan sebagai langkah awal menyelesaikan krisis air yang dihadapi oleh negeri itu. "Kerajaan Melaka pula menambah

peruntukan \$10 juta untuk menggali kolam besar bagi menakung air," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan) cawangan Perak di Enggor dekat sini, hari ini.

Mengenai laporan yang dikemukakan oleh jawatankuasa penyiasat terhadap Empangan Durian Tunggal, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Kabinet sudah membuat keputusan supaya laporan itu diumumkan.

Sementara itu, beliau berkata, Kerajaan Pusat sehingga ini masih belum mendapat sokongan penuh, khususnya daripada negeri yang mempunyai bekalan air yang banyak terhadap cadangan meletakkan bekalan air dalam pengurusan Kerajaan Pusat.

Katanya, ini disebabkan ada sesetengah kerajaan negeri yang berpendapat bahawa mereka boleh mendapat keuntungan daripada perkhidmatan itu.

Beliau berkata, perkara itu tidak benar kerana mereka tidak mengambil kira kos modal, seperti pembinaan empangan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat tidak berniat menyimpan keuntungan dan jika perkhidmatan pembekalan air boleh mendatangkan keuntungan, ia mungkin diagihkan kepada negeri yang mempunyai banyak sumber air.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pembekalan air mungkin diswastakan pada masa akan datang untuk mengurangkan beban Kerajaan Pusat.

Mengenai masalah air yang dihadapi Kedah pula, beliau berkata, negeri itu sememangnya menghadapi musim kemarau dan sehingga ini Kerajaan Pusat sudah menasihatkannya supaya menggali lebih banyak perigi.

Bagaimanapun, katanya, Kerajaan Kedah berpendapat Perairan Muda mampu menampung bekalan air.